

Laman Utama > Semasa > Pendigitalan e-kerajaan, jadikan sektor swasta sumber daya

Semasa Sarat Pembaca/Pendapat

Pendigitalan e-kerajaan, jadikan sektor swasta sumber daya

Dia: UtusanTV - June 13, 2021

65 0



Oleh : JAIS ABDUL KARIM

Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) yakin bahawa sistem pendigitalan e-kerajaan akan dapat mengurangkan rasuah di sektor kerajaan.

Bagi memastikan keberkesanannya dan untuk mempercepat penyempalan sistem e-kerajaan ini maka ia pasti memerlukan penglibatan dan sokongan semua pihak dan komitmen yang besar dari pihak kerajaan sendiri.



VAKSIN BUKAN KONSPIRASI
VAKSIN PELINDUNG DIRI

www.utusantv.com UtusanTV

VAKSIN BUKAN KONSPIRASI
VAKSIN PELINDUNG DIRI

www.utusantv.com UtusanTV

Polis

Setujukah anda UMNO dan PKR dalam gabungan PH menjalin kerjasama?

- Setuju
- Tidak

Vote

View Results

Artikel Terbaru

- 14 JUN 2021 10:00 MALAYSIA**
Pemberian vaksin harian hampir cecah 200,000 dos semalam
June 15, 2021
- 14 JUN 2021 10:00 MALAYSIA**
MAIS sasar bantu 20,000 keluarga terjejas akibat COVID-19
cecah 200,000 dos semalam
June 15, 2021
- 14 JUN 2021 10:00 MALAYSIA**
MAIS sasar bantu 20,000 keluarga terjejas akibat COVID-19
June 15, 2021
- [VIDEO]** Resipi sup tulang merah sedap memikat selera
June 15, 2021
- "Seolah-olah itu lambaian terakhir ibu," - Umar Najmee kongsi detik terakhir...
June 15, 2021
- Tun Ariffin menghadap Agong, pertemuan dipercayai berkaitan penamatan/penerusan darurat
June 15, 2021
- NOVAVAX**
Ujian vaksin Covid-19 Novavax lebih 90 peratus berkesan di AS
June 15, 2021





Setiap teknologi baharu ini pasti ada kekuatan dan kelemahannya dengan para pakar di SPRM dan intelek di institusi pengajian tinggi perlu mengkaji perkara ini sedalam-dalamnya.

Yang paling penting, ia memudahkan proses 'money trail' dan kita tahu dengan jelas, wang itu dari slapa dan ke mana.

Sektor kerajaan dan sektor swasta harus sedia berkolaborasi dan sanggup bertindak di luar bidang masing-masing bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Perlu diakui bahawa sektor swasta adalah antara pemacu utama pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, dan pihak kerajaan harus memanfaatkan kelebihan ini secara lebih berkesan semasa memacu strategi pelaksanaan pendigitalan ini.

MCW ingin mencadangkan agar pihak kerajaan memperlakukan sektor swasta sebagai satu sumber daya, rakan kongsi dan pengguna yang sesuai dengan keperluan dan kehendak masa hadapan sistem e-kerajaan ini.

Strategi kerajaan untuk terlibat secara aktif dengan sektor perniagaan diperlukan ketika berusaha mengembangkan transformasi pendigitalan ini.

Kerajaan perlu bekerjasama mendapatkan sokongan dan kepakaran sektor swasta serta semua rakyat untuk memahami dan membantu mengatasi cabaran teknikal bagi meningkatkan pengembangan dan penyempal strategi ini.

Kerajaan disarankan untuk memperkenalkan 'proses end-to-end' dalam perkhidmatan transaksi pembayaran penuh dan menjadikan penggunaan e-kerajaan sebagai satu perkara wajib bermula dari awal demi meningkatkan keberkesanannya dan bermatamata jelas bagi mengurangkan rasuah.

Kerajaan perlu juga mengkaji dengan teliti peranan dan sumbangan sektor swasta dalam e-kerajaan untuk memastikan keberkesanan dan penerimaan sistem ini sebagai 'alat' dalam usaha mencegah rasuah.

Penyelidikan ini penting dalam mencari kaedah untuk memberikan insentif berkenaan penglibatan sektor swasta dalam menggunakan sistem e-kerajaan ini.

Penggunaan aplikasi berasaskan web menggunakan algoritma penilaian kepuasan pengguna e-kerajaan oleh syarikat (dan lain-lain) pastinya akan membantu memperluas pemahaman dan pengetahuan mengenai alat elektronik yang berjaya dan yang lemah.

Perbincangan maya bersama pelbagai pihak yang mampu menyatukan sektor awam dan swasta yang terlibat dalam e-kerajaan, pembangunan perisian, kepuasan pengguna mesti juga melibatkan golongan ahli akademik dan masyarakat sivil untuk mencetuskan pendekatan terbaik dan penerimaan awam terhadap sistem ini.

Kajian impak terhadap keberkesanan sistem ini terhadap perlakuan antirasuah penting dalam menghasilkan wawasan mengenai subjek yang sedang berkembang pesat di serata dunia.

Semua cadangan ini perlu untuk mengelakkan kerajaan atau swasta mengembangkan sistem yang lebih mahal dan tidak bersesuaian dengan suasana dalam negara.

Mengembangkan transaksi dalam talian atau pendigitalan ini sebenarnya tidaklah murah. Kalau salah memilih sistem atau kaedah pembangunan maka ruang untuk melakukan rasuah akan menjadi lebih besar.

• Penulis ialah Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW)



14 JUN 2021
197,963
Pemberian vaksin harian hampr
cecah 200,000 dos semalam
June 15, 2021

MAIS sasar bantu 20,000

Lagi artikel menarik



Penyedar senarai 12 penguat
kuasa terlibat Geng Nicky dicari
- Ayob...

UtusanTV April 27, 2021

MAIS sasar bantu 20,000
keluarga terjejas akibat COVID-
19
June 15, 2021

[VIDEO] Resipi sup tulang merah

Lagi artikel menarik



Penyedar senarai 12 penguat
kuasa terlibat Geng Nicky dicari
- Ayob...

UtusanTV April 27, 2021

MAIS sasar bantu 20,000
keluarga terjejas akibat COVID-
19
June 15, 2021

[VIDEO] Resipi sup tulang merah

Lagi artikel menarik



Penyedar senarai 12 penguat
kuasa terlibat Geng Nicky dicari
- Ayob...